

| Arahan: Modul ini adalah untuk tempoh masa 1 jam | | | |
|--|--|---------|-----------------------------------|
| Mata Pelajaran | BAHASA MELAYU KOMUNIKASI | Sasaran | 2 PKKS DEDIKASI 2 PKKS INOVASI |
| Tarikh | 28 Jun 2021 | Masa | 9.00-10.00 pagi |
| Tajuk | Tema 5 : Sungaiku Indah Dan Bersih Unit 14 : Kepentingan Sungai | | |
| Standard Pembelajaran | 2.1.1 Membaca dan memahami makna (i) perkataan (ii) rangkai kata (iii) istilah 2.1.2 Membaca dengan betul. 2.2.1 Membaca bahan/petikan cerita dengan sebutan yang betul. 3.2.2 Melengkapkan ayat dengan menggunakan perkataan, frasa atau rangkai kata yang sesuai di dalam borang laporan tugas harian | | |
| Objektif Pembelajaran | Pada akhir PDPR murid boleh: <ol style="list-style-type: none"> 1. Membaca petikan <i>Sungai Dan Manusia</i> 2. Menyatakan 4 kepentingan sungai dalam kehidupan kita 3. Menyatakan 3 aktiviti yang boleh dilakukan di sungai 4. Melengkapkan ayat berdasarkan gambar yang diberi | | |
| Tempoh Masa | 1 Jam | | |
| Aktiviti Pembelajaran | Sila rujuk link buku teks digital untuk memudahkan pemahaman <ol style="list-style-type: none"> 1. https://drive.google.com/file/d/1joj0aznfV2PvBSe_6HQEgvR4Kfj5jQZn/view?usp=drivesdk 2. Membaca petikan yang disediakan 3. Menyatakan kepentingan sungai dalam kehidupan kita 4. Menyenaraikan aktiviti yang boleh dilakukan di sungai 5. Melengkapkan ayat berdasarkan gambar yang diberi 6. Murid-murid diminta untuk menjawab latihan interaktif di Liveworksheet. | | |
| Latihan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Sila jawab soalan interatif yang diberikan 2. Screenshoot jawapan yang telah siap kepada guru <p>(jika ada persoalan/pertanyaan boleh hubungi Cikgu di Whatapps)</p> | | |
| Pentaksiran | Anda akan dinilai berdasarkan tugasan yang diberikan | | |

TEMA 4 : SUNGAIKU INDAH DAN BERSIH

UNIT 14 : KEPENTINGAN SUNGAI

UNIT

14

KEPENTINGAN SUNGAI



Mendengar dan Bertutur

Teliti carta di bawah, kemudian berikan idea anda tentang kepentingan sungai.

Sungai Nadi Kehidupan



LATIHAN 1

1. Berdasarkan rajah di atas senaraikan 4 kepentingan sungai kepada kita mengikut keutamaan yang utama

a. _____

b. _____

c. _____

d. _____

2. Kepentingan sungai yang utama kepada kita ialah

3. **Jawab soalan-soalan di bawah. Nyatakan BETUL atau SALAH**

| | | |
|----|---|--|
| 1. | Sungai merupakan sumber utama kehidupan manusia. | |
| 2. | Sungai tidak membekalkan sumber air sebagai minuman, basuhan dan pengairan tanaman. | |
| 3. | Sungai membekalkan air untuk kegunaan pertanian | |
| 4. | Sungai digunakan oleh manusia sebagai jalan perhubungan | |
| 5. | Sungai membekalkan tempat pelancongan dan aktiviti riadah | |



Membaca

Baca kemudian fahami petikan di bawah.

Sungai dan Manusia



5

Sungai merupakan sumber utama kehidupan manusia. Sungai membekalkan sumber air sebagai minuman, basuhan dan pengairan tanaman. Selain itu, sungai turut membekalkan ikan sebagai sumber makanan kepada manusia.

Sejak zaman dahulu, sungai telah digunakan oleh manusia sebagai jalan perhubungan. Manusia boleh bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi dengan menggunakan laluan sungai. Manusia juga menggunakan sungai untuk mengangkut pelbagai jenis barangan jualan dan dagangan. Antara kenderaan yang digunakan termasuklah sampan, rakit, tongkang dan bot.

Kebanyakan kawasan petempatan manusia dibangunkan berhampiran dengan sungai dan muara sungai. Bandar-bandar penting di negara ini mula dibangunkan berhampiran dengan sungai. Bandar raya Kuala Lumpur, misalnya, berkembang sebagai pusat perdagangan terpenting suatu ketika dahulu. Kedudukannya yang strategik, iaitu pertemuan Sungai Klang dengan Sungai Gombak telah memudahkan pelbagai aktiviti dijalankan di sini. Kini, sungai telah dimajukan sebagai tempat pelancongan dan rekreasi. Sungai juga dijadikan tempat perkelahan serta aktiviti berkayak dan bersampan.

LATIHAN 2

1. Apakah aktiviti yang dilakukan di sungai ?

a.

b.

c.

LATIHAN 3



Menulis

Lengkapkan ayat di bawah.

1



digunakan sebagai pengangkutan air.

Bot digunakan sebagai pengangkutan air.

2

Amin



di tepi sungai.

3

Aktiviti



pada zaman dahulu bermula di tebing sungai.

4




Setiap petang Samson



di tepi sungai.

LATIHAN 4

Tulis semula kepentingan sungai berdasarkan gambar yang diberi



'Wah, bagus! Cikgu sangat kagum dengan kamu semua yang kyusuk menyiapkan latihan/tugasan yang diberi.

Cikgu sangat yakin, apabila semua pelajar menumpukan perhatian menjawab soalan yang diberikan, tentu latihan/tugasan kamu akan segera siap. Terima kasih kepada semua pelajar yang telah menyiapkannya.....**TANIAH**

PDP
14.6.2021 –
16.7.2021

Adab-Adab
semasa PDP

- ✓ Buat persediaan
- ✓ Baca doa belajar
- ✓ Beri tumpuan
- ✓ Memberi respon
- ✓ Berterima kasih